

**NO. SOALAN : 44**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB. TUAN HAJI NASRUDIN BIN HASSAN  
[ TEMERLOH ]**

**TARIKH : 18 OKTOBER 2016**

**SOALAN :**

**YB. Tuan Haji Nasrudin bin Hassan [ Temerloh ]** minta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** menyatakan apakah usaha yang telah diambil Kerajaan bagi menjayakan kempen Tahun Melawat Pahang pada 2017.

**JAWAPAN :     DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ**  
**MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia melalui Tourism Malaysia sentiasa membantu kerajaan-kerajaan negeri dalam mempromosikan negeri-negeri di Malaysia terutamanya negeri Pahang yang mengadakan aktiviti Tahun Melawat Pahang 2017 dengan menjalankan pelbagai aktiviti seperti Jelajah Tahun Melawat Pahang 2016 dari Kuantan ke London serta akan mempromosikan Tahun Melawat Pahang semasa program World Travel Mart, London pada 7- 9 November nanti.

Pada tahun 2016, Tourism Malaysia melalui Sekretariat Mega Fam telah mengadakan satu lawatan suai kenal Eko – pelancongan di negeri Pahang bermula dari 26 – 29 April 2016. Lawatan ini melibatkan seramai 23 orang peserta daripada 3 buah negara iaitu Malaysia, Singapura dan China. Antara destinasi eko – pelancongan yang dilawati di Pahang adalah Tanah Aina Farrah Soraya Eco Resort di Raub, Pusat Konservasi Gajah Kuala Gandah dan Taman Negara Pahang. Daripada lawatan suai kenal ini juga, sehingga kini dicatatkan sebanyak RM 256,239.00 nilai publisiti yang dijana dari enam (6) artikel dan elektronik media.

Selain itu, Tourism Malaysia akan mempromosikan dengan giat destinasi pelancongan terbaru di Pahang seperti Genting 21st Century Fox Theme Park dan Genting Premium Outlets (GPO).

Di samping itu, Pejabat Tourism Malaysia Negeri Pahang turut melaksanakan usaha-usaha seperti berikut:

- i. Menghasilkan risalah dan pakej baru sempena Visit Pahang 2017 seperti “Kuantan Heritage Walk”, “Fun Map of Kuantan”, “Pahang Special Voucher 2016”, dan “Pahang Billfish Packages 2016/2017”.
- ii. Bekerjasama dengan agensi-agensi pelancongan dan hotel-hotel di Pahang bagi mengemaskini pakej-pakej pelancongan sedia ada serta menghasilkan pakej-pakej khas yang lebih menarik untuk Tahun Melawat Pahang 2017.
- iii. Menambah penyertaan agensi-agensi pelancongan Pahang dalam pameran-pameran pelancongan utama dalam negara seperti Matta Fair 2017 dan CC1M Dekat Je Travel Fair 2017.
- iv. Melaksanakan lebih banyak program suaikenal produk pelancongan Pahang kepada media di seluruh negara bagi mendapatkan publisiti optimum.
- v. Penyebaran maklumat pelancongan negeri Pahang yang lebih meluas terutamanya melalui online di laman web Tourism Malaysia dan aplikasi mudah alih (contohnya *e-Brochure*).
- vi. Mengatur lebih banyak penyertaan media dalam setiap acara yang dianjurkan oleh *Tourism Pahang* dan Pejabat Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia Negeri Pahang.

Sekian, terima kasih.